


# Budaya unik Bajau terserlah



**ANTARA** 700 lepa yang datang meraikan pesta Regatta Lepa.



**PESERTA** Perahu Lepa bersama perahu lepa yang dihiasi 'Sambu Layang' sempena Festival Regatta Lepa Semporna 2018 pada Sabtu.

## ► Regatta Lepa 2018

**P**ASTI semua maklum dan kagum dengan Bakat semulajadi etnik Bajau Laut yang mampu menyelam lama tanpa menggunakan tong oksigen. Johan pertandingan selam lama, Isnani Ali, 45 berkata aktiviti menyelam sememangnya satu rutin biasa buat kaum itu sejak lama dahulu bagi mendapatkan sumber makanan.

"Saya bangga saya berbangga Bajau dan saya bangga menunjukkan pada pelancong luar keunikan bangsa Bajau yang boleh menyelam lama di bawah air."

"Acara air yang dijalankan setiap kali sambutan Regatta Lepa ini pasti akan kami serta kerana ini sahaja masanya kami dapat bersukan dan tunjuk kebolehan masing-masing.

"Selain itu, inilah harinya kami dapat berkumpul dan berjumpa kawan-kawan dalam suasana yang meriah kerana selepas habis acara, tidak pasti

bila akan dapat berjumpa lagi," katanya yang berasal dari Kampung Sumaneh.

Isnani temui ketika selesai menyertai acara sukan laut iaitu selam lama dan lumba perahu. Acara lain yang turut dipertandingkan ialah acara renang selain Lepa berhias yang menjadi penyeri Regatta Lepa setiap tahun.

Sambutan pada tahun ini di rasmikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri N.54 Bugaya, Datuk Ramlee Marahabon yang mewakili Ketua Menteri, Tan Sri Musa Aman.

Menurut Ramlee, untuk tahun ini sambutan Regatta Lepa sangat menakjubkan dan menyelerahkan semangat rakyat Semporna dalam mempertahankan budaya suku kaum Bajau.

"Kita dapat saksikan hari ini sungguh meriah secara khususnya penampilan Lepa Unggul yang memang terkenal dengan



**BISKAI** (kiri) menerima wang tunai daripada Ramlee (tengah) sambil diperhati oleh Hajan (kanan).

senibinanya oleh rakyat Semporna serta penglibatan suka luit yang begitu ramai.

"Rakyat juga dapat melihat bahawa setiap pelancaran Regatta Lepa bukan sahaja rakyat Semporna malah dihadiri oleh pelancong luar."

"Ini hebatnya Regatta di mana pengisiannya

"Saya bangga saya berbangsa Bajau dan saya bangga menunjukkan pada pelancong luar keunikan bangsa Bajau yang boleh menyelam lama di bawah air. Acara air yang dijalankan setiap kali sambutan Regatta Lepa ini pasti akan kami serta kerana ini sahaja masanya kami dapat bersukan dan tunjuk kebolehan masing-masing."

**ISNANI ALI**  
Johan pertandingan selam lama

penampilan budaya serta produk-produk pelancongan yang tentunya menjadi tarikan dan menjana sosio-komuniti rakyat," jelasnya.

Ramlee juga berharap untuk perhebatkan lagi sambutan Regatta Lepa

2019 pesta ini adalah kehebatan Semporna. Beliau turut



**PESERTA** gembira ketika mendahului yang lain dalam acara harungan

berterima kasih kepada Ketua Menteri yang membantu peruntukan setiap tahun penganguran dan mengharapkan untuk tahun 2019 akan diberikan sumbangan yang lebih besar.

Tambah kategori baru tahun ini iaitu Lepa Unggul dan Juara Bertahan dimenangi oleh Lepa Abisa kepada Haji Biskai Mastal yang turut meriah gelaran Raja Lepa merupakan Johar Pertandingan dimenangi oleh Lepa Haji Antaljai Sahibad.

Turut hadir, Pengurus SEDCO merangkap Pengurus Persatuan Anak Seni Semporna Datuk Seri Nasir Tun Sakaran, Pegawai Daerah Semporna Dr. Chacho Bulah, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia Saraya Abi dan Pengurus Jawatankuasa Pelaksana, Datuk Hajan Gurimbang.

**-PENERANGAN**  
**ISNANI** mampu bertahan selama 4 minit dibawah air.



**LEPA** Abisa yang memenangi Lepa Unggul untuk tahun ini.

